

LATIHAN PERUMPAMAAN

Isikan ruangan kosong bagi melengkapkan ayat-ayat di bawah dengan perumpamaan yang sesuai:

1. Hati Puan Nuraini _____ apabila mengetahui bahawa anaknya hendak menghantarnya ke rumah orang tua.
2. Gandingan Nabil Ahmad dan Jihan Musa sebagai pengacara Program Gegar Vaganza sangat serasi _____.
3. Ibu bapa dinasihatkan agar sentiasa mengawasi anak-anak remaja mereka agar tidak selalu balik lewat hingga larut malam. Ini kerana para remaja _____ jika tidak ada pengawasan ibu bapa.
4. Encik Zamarul tetap dihormati dan disegani oleh penduduk kampung, walaupun beliau telah lama bersara sebagai pegawai daerah.
Ini kerana _____.
5. Sejak ayah dan ibunya meninggal dunia, dia tinggal bersama neneknya di kampung. Kini neneknya pula meninggal dunia, hidupnya semakin susah _____.
6. Kecantikan juara ratu cantik itu _____ apabila dikelilingi oleh ratu cantik dari negara-negara seluruh dunia.
7. Ahli persatuan Pandu Puteri Sekolah Menengah Pehin Datu seri Maharaja tersebut _____ dalam usaha mencari wang untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang mampu.
8. Jodoh antara Khalid dan Fathia _____ kerana Fathia tidak memiliki kelulusan yang tinggi berbanding dengan suaminya.
9. Rakyat miskin di Negara Brunei Darussalam _____ apabila mendapat bantuan kewangan daripada pihak kerajaan.